



Antara kesan tanah runtuh akibat hakisan yang membentuk cerunan bahaya.

Penduduk gesa siasat syarikat pemaju teroka hutan

SHAH ALAM – Persatuan Pemilik dan Penduduk Bukit Bayu, Seksyen U10 di sini menggesa pihak berwajib menyasiat kegiatan sebuah syarikat pemaju kerana didakwa meneroka satu-satunya kawasan hutan tanah pamah di Shah Alam yang terletak berdekatan perumahan itu.

Wakil persatuan, Datuk Fahriz Zaini, 40, berkata jika dibiarkan, aktiviti penerokaan tersebut boleh melenyapkan khazanah alam negeri selain mengganggu ekosistem hidupan liar memandangkan hutan berkenaan adalah sebahagian daripada hutan simpan kekal Bukit Cerakah (Taman Botani Negara).

Beliau berkata kerja-kerja penerokaan itu juga mencetuskan rasa bimbang penduduk apabila semakin banyak haiwan liar yang kehilangan habitat memasuki rumah mereka berikutan jaraknya hanya beberapa ratus meter dari kawasan hutan tersebut.

“Aktiviti penerokaan hutan itu setakat ini kami anggar mencapai keluasan 546 hektar. Ia disedari dimula pada awal Ramadan lalu namun dilihat semakin rancak dijalankan susulan beberapa letupan untuk memecahkan batu didengari sejak

Isnin lepas.

“Kami tertanya-tanya tentang kegiatan syarikat pemaju itu kerana tiada sebarang papan tanda pembangunan dinaikkan di lokasi. Adakah penerokaan hutan tersebut yang dikatakan untuk pembinaan rumah berjalan secara sah atau atas tujuan mendapatkan kayu-kayan?” katanya kepada pemberita, semalam.

Fahriz berkata, letupan itu juga dikhawatiri akan menyebabkan masalah hakisan tanah dalam jangka masa panjang berikutan ada antara kegiatan berkenaan dilakukan hanya berjarak 100 meter daripada rumah penduduk.

Susulan itu, pihaknya juga telah membuat laporan polis pada Isnin lepas termasuk mengemukakan aduan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Jabatan Perhutanan Selangor pada hari sama.

Gesaan persatuan penduduk itu turut mendapat sokongan pertubuhan alam sekitar iaitu Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Global Environment Centre (GEC) dan Treat Every Environment Special (TEES). - *Bernama*